

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT
PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : DISCOVERY
FUNGSI : *DISCOVERY @ PENEROKAAN*
TAJUK : MENARA WARKA

BI L	PERKARA	CATATAN	
1.	STANDARD KANDUNGAN	SA 2.4	Membuat inferens
2.	STANDARD PEMBELAJARAN	SA 2.4.1	Membuat andaian yang mudah dan munasabah berdasarkan pemerhatian.
		MA 6.1.2	Meletakkan objek pada kedudukan tertentu
3.	STREAM	S	Mengelaskan batuan mengikut jenis
		T	Batuan,botol, jag air, gunting
		R	Kerjasama, bertolak ansur, sabar, berani
		E	Membuat lakaran alat penurasan air
		A	Menyusun lapisan-lapisan batuan
		M	Mengira batuan dan mengukur saiz.
4.	OBJEKTIF PEMBELAJARAN	Kanak-kanak dapat menyusun lapisan batuan,kapas, arang dan pasir dengan betul untuk membuat penurasan air dan membina alat penapis air.	
5.	BBM	Batuan(pelbagai saiz, pasir, air lumpur, jag air plastik, botol air mineral 1.5 liter, kapas, cermin mata, arang ,gunting, papan putih, <i>whiteboard marker</i> , sudip tangan, perca kain.	

6.	NILAI MURNI	Yakin, sabar, faham perasaan diri sendiri, bekerjasama, bertolak ansur, bekerjasama.
7.	<p><u>STRATEGI PELAKSANAAN</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru memperkenalkan bahan-bahan kepada kanak-kanak. 2. Guru membahagikan kanak-kanak kepada 2 kumpulan : 3. Wakil kanak-kanak memilih bahan-bahan yang telah disediakan dengan bimbingan guru. 4. Kanak-kanak melakukan aktiviti penurasan air dengan bimbingan guru. <p>LANGKAH 1</p> <p>Kanak-kanak memotong botol mineral kepada dua bahagian (Bahagian A dan B) Manakala penutup botol ditebuk di tengah-tengah dengan menggunakan gunting.</p> <p>LANGKAH 2</p> <p>Kanak-kanak meletakkan botol bahagian B kedalam botol bahagian A. Muncung botol hendaklah ditutup dengan penutup yang telah ditebuk tadi.</p> <p>LANGKAH 3</p> <p>Kanak-kanak mengambil 4 keping kapas muka dan perca kain untuk menutup muncung botol pada bahagian dalam.</p> <p>LANGKAH 4</p> <p>Kanak-kanak meletakkan batuan bersaiz besar ke dalam botol pada paras yang telah ditetapkan oleh guru.</p> <p>LANGKAH 5</p> <p>Kanak-kanak meletakkan beberapa keping kapas muka pada permukaan batu tadi sehingga menutup keseluruhan batu tersebut.</p> <p>LANGKAH 6</p> <p>Kanak-kanak meletakkan bahan galian (arang) di atas lapisan kapas tadi pada paras yang telah ditetapkan.</p> <p>LANGKAH 7</p> <p>Kanak-kanak memasukkan pasir di atas permukaan arang pada paras yang telah di tetapkan.</p>	

LANGKAH 8

Kanak-kanak memasukkan batuan bersaiz kecil di atas permukaan pasir tadi mengikut paras yang telah ditetapkan.

LANGKAH 9

Kanak-kanak memasukkan air berlumpur ke dalam botol yang telah disusun dengan bahan galian (batuan, pasir, arang), kapas muka dan perca kain.

LANGKAH 10

Kanak-kanak akan membuat pemerhatian dan catatan paras air jernih yang terkumpul di dalam botol bahagian A hasil daripada eksperimen penurasan ini.

5. Kanak-kanak mencatat eksperimen dengan bimbingan guru.
6. Kanak-kanak menceritakan semula tentang pemerhatian yang telah mereka lakukan.

Nota:

** Aktiviti ini boleh dijalankan selama 60 minit mengikut kesediaan kanak-kanak*